

BAB 5

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.0 Pendahuluan

Teknik Al-Baghdadi merupakan satu pembaharuan dalam usaha membentaras buta al-Quran melalui pendekatan kata kunci sebagai titian ingatan. Kemunculan metod ini bukannya bertentangan dalam arena bacaan al-Quran, bahkan in menambahkan lagi khazanah kaedah pembelajaran al-Quran. Hal ini menjadikan masyarakat mempunyai banyak pilihan untuk menggunakan mana-mana buku dan kaedah yang dirasakan selari dengan cita rasa mereka semasa proses belajar membaca al-Quran. Walau bagaimanapun setiap kaedah yang lahir ada kelebihan dan kekurangan yang tersendiri.

Setelah dibuat kajian terhadap sekumpulan pelajar dan dianalisis hasil dapatannya, penulis mengemukakan beberapa rumusan yang berkaitan dengan kelebihan dan kekurangan serta dibuat beberapa cadangan.

5.1 Rumusan

- I. Kajian ini mendapati bahawa Teknik Al -Baghdadi banyak mempengaruhi dan merangsang kecerdasan pelajar untuk terus memupuk minat membaca. Ini jelas didapati dalam ujian bacaan ayat-ayat al-Quran terdapat ramai pelajar yang berjaya membaca dengan baik
- II. Teknik Al-Baghdadi mampu menarik minat pelajar untuk terus mengikut pembelajaran yang formal dan membina tabiat serta keupayaan membaca. Buku *al-Tamhid al-Baghdadi* mempunyai:
 - a) Teknik penyampaian dan gaya penyusunan yang menarik seperti bentuk tulisan yang besar jelas, pemisahan warna dan lajur.
 - b) Pembelajaran atau isi kandungan yang sedikit menjadikan pelajar cepat dapat membaca dan mengenal bentuk bersambung di awal pembelajaran lagi.
 - c) Bilangan buku yang tidak berjilid-jilid.
 - d) Tidak membosankan kerana ia bagaikan belajar sambil bermain kerana adanya bacaan berirama dan nyanyian.
- III. Kaedah dan teknik pembelajaran al-Baghdadi yang menggunakan kata kunci dan diolah dalam bentuk nyanyian juga mampu merangsang minat pelajar.
- IV. Gabungan di antara pendekatan yang digunakan berdasarkan buku dan teknik-teknik pengajaran mampu memberi imput yang memuaskan. Hal ini terbukti peratus peningkatan daripada keseluruhan sampel dapat membaca dengan baik. Indeks penguasaan aspek mengenal bentuk huruf-huruf Hijaiyyah dan membunyikannya mengikut semua baris pula menunjukkan 4 orang sahaja yang berusia 4 - 6 tahun yang tidak dapat membunyikan beberapa huruf dengan tepat. Kesilapan hanya berlaku sekitar baris sukun dan tasydid sahaja. Ini menunjukkan

kaedah penerapan dan proses pembelajaran yang digunakan dalam kaedah al-baghdadi memperkenalkan huruf dan bunyi-bunyi dengan baik.

- V. Indeks penguasaan menggabungkan bunyi-bunyi huruf dalam perkataan menunjukkan terdapat perbezaan yang ketara antara umur. Dapatan kajian dalam kes ini menunjukkan bahawa kemampuan pelajar menggabungkan bunyi dengan lancar amat memberangsangkan.
- VI. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa responden pada umumnya boleh membaca, tetapi masih belum lancar dan memerlukan latihan yang banyak untuk memahirkan mereka membaca. Kemahiran membaca seterusnya mestilah selari dengan hukum tajwid agar pelajar terus membaca dengan betul. Semakin lama pendedahan pelajar dengan bahan-bahan tilawah, maka semakin baik prestasi bacaanya. Hal ini terbukti dalam aspek bacaan ayat-ayat kategori 7 tahun yang telah tamat pembelajarannya dalam tempoh 3 bulan dapat membaca al-Quran dengan baik berbanding dengan mereka yang baru tamat proses pembelajaran.
- VII. Kemahiran bacaan bukan hanya bergantung kepada kaedah dan bahan yang digunakan bahkan ia amat bergantung dengan 2 faktor utama yang lain iaitu faktor guru dan suasana pembelajaran. Perbezaan guru mampu melahirkan dapatan yang berbeza.
- VIII. Teknik al-Baghdadi mampu menerapkan kepada pelajar agar membunyikan huruf mengikut makhraj yang betul setelah tamat tamhid al-baghdadi.

5.2 Cadangan

Berdasarkan dapat kajian ini penulis mencadangkan:

- I. Penulis merasakan proses memperkenalkan huruf melalui turutan makhraj huruf adalah yang terbaik kerana makhraj huruf merupakan elemen yang terpenting dalam pembelajaran al-Quran maka ia perlu diberi penekanan sejak awal pembelajaran lagi.
- II. Oleh kerana kefasihan dan kelancaran masih berada di tahap yang sederhana, maka penulis merasakan pelajar tidak perlu didedahkan dengan latih tubi bacaan bertajwid sedikit demi sedikit sebagaimana yang di susun oleh Dachlan Salim Zarkasyi dalam buku Qiraati.
- III. Cadangan penerusan pembelajaran melalui teknik al-Baghdadi ini dibuat hasil penulisan sampingan yang dijalankan sepanjang kajian ini semata-mata untuk mencari jalan penyelesaian terhadap masalah bacaan al-Quran dikalangan pelajar. Penulis mendapati terdapat perbezaan kefasihan, kelancaran dan bacaan bertajwid dalam kalangan pelajar yang tamat belajar Iqra', Qiraati dan al-Baghdadi.

5.3 Penambah baikan

Setelah meneliti segala aspek kesalahan penyebutan perkataan yang dibuat oleh pelajar-pelajar kajian ini, penulis mendapati bahawa perlunya diwujudkan beberapa penambah baikan kepada pelajar-pelajar . Antara penambah baikan yang penulis dapat lihat di sini adalah;

5.3.1 Pengajaran dan Pembelajaran Yang Berkesan

Konsep pengajaran merujuk kepada satu proses di mana kegiatan-kegiatan disusun untuk membawa perubahan tingkah laku pada diri murid-murid dalam proses P&P. Manakala konsep pembelajaran adalah satu proses perubahan tingkah laku yang agak kekal akibat pengalaman atau latihan berulang. Proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) dikatakan berkesan jika pelajar-pelajar dan peserta-peserta dapat menguasai pengetahuan dan kemahiran-kemahiran yang diajar oleh guru dengan sepenuhnya.

Guru seharusnya menggunakan Model Ekspositori dalam menjalankan P&P. Ekspositori merujuk kepada penerangan yang jelas dan terperinci. Dalam model ekspositori, peranan guru ialah sebagai penyampai maklumat atau isi kandungan pelajaran secara langsung kepada pelajar-pelajar dan peserta-peseta dalam kuliah. Model Ekspositori berasaskan cara penyampaian pengajaran guru melalui kaedah-kaedah penerangan, bercerita atau demonstrasi.

Dalam proses ini, guru akan memberi penerangan terlebih dahulu. Pelajar-pelajar mendengar dengan teliti sehingga mereka memahami dan mengingatnya atau merekodkan isi-isi penting dalam buku latihan mereka. Guru boleh menggunakan model ini untuk menerangkan tentang cara penyebutan fonem atau huruf Arab dengan baik.

5.3.2 Latihan Penyebutan Yang Berulang

Pelajar-pelajar seharusnya diajar untuk melakukan latihan penyebutan yang berulang. Ini kerana, dengan latihan yang berulang, pelajar-pelajar dapat mengurangkan kesalahan dalam penyebutan perkataan bahasa Arab. Banyak cara yang boleh dilakukan untuk latihan penyebutan ini. Antaranya, pelajar boleh membaca buku-buku Arab, samada buku teks atau buku-buku cerita Arab. Mereka boleh membacanya dengan kuat sambil diperhatikan oleh guru atau sesiapa sahaja.

5.3.3 Melalui Proses Pendengaran

Kaedah pengajaran melalui Metod Audio-Lingual (*Audio-Lingual Method*) juga adalah amat berkesan. Melalui proses pendengaran ini, pelajar-pelajar dapat membezakan cara penyebutan perkataan Arab yang betul dan salah. Dengan cara ini juga, mereka dapat mengurangkan kesalahan-kesalahan dalam penyebutan perkataan Arab. Di dalam bilik kuliah, semasa proses P&P dijalankan, pelajar-pelajar seharusnya mendengar dengan teliti cara penyebutan yang betul, yang disampaikan oleh guru-guru mereka.

Guru-guru juga boleh memberikan pelajar-pelajar ini latihan dengan cara imlak, iaitu guru menyebut perkataan, seterusnya pelajar-pelajar menulis perkataan tersebut. Dengan cara ini, guru dapat memeriksa setiap kesalahan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar, dan seterusnya pelajar-pelajar dapat membetulkan kesalahan tersebut.

Selain itu, pelajar-pelajar juga boleh mengatasi kesalahan mereka dengan cara menonton rancangan-rancangan berbahasa Arab yang disediakan di saluran televisyen. Mereka boleh meniru cara penyampai menyebutkan perkataan-perkataan Arab dengan betul. Dengan cara ini, mereka dapat mengatasi permasalahan penyebutan perkataan Arab mereka.

5.4 Kesimpulan

Setelah menjalankan kajian ini, penulis dapati bahawa permasalahan fonologi ini tidaklah terjadi dengan sendirinya, melainkan terdapat beberapa faktor yang mendorong kepada permasalahan ini. Antaranya ialah gangguan dari segi bahasa ibunda yang dituturkan oleh murid-murid yang dikaji ini. Hakikatnya, mereka telah terkesan dengan bahasa ibunda mereka sendiri (Bahasa Melayu) dalam penyebutan perkataan , frasa atau ayat dalam bahasa

Arab. Penggunaan sistem bahasa ibunda ini sebenarnya telah mengganggu sistem penyebutan Bahasa Arab samada dari segi fonetik, fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik. Menurut prinsip pembelajaran bahasa (prinsip linguistik), bahasa ibunda seseorang boleh membantu dan juga menghalang pembelajaran yang berkesan. (*Native Language Effect*).